

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. KELVIN YII LEE WUEN [BANDAR KUCHING]

TARIKH : 16.07.2019 (SELASA)

SOALAN NO. 58

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (MACC) di bawah Jabatan Perdana Menteri akan membuka semula siasatan terhadap mantan Ketua Menteri Sarawak **Tun Pehin Sri Haji Abdul Taib bin Mahmud**, Yang di-Pertua Negeri Sarawak, dan juga orang-orang berdekatan dengannya atas tuduhan rasuah dan juga penyalahgunaan kuasa berikutan bukti baru yang dikemukakan atas kerjasama oleh *Bruno Manser Fund* dan *Sarawak Report*.

JAWAPAN: **YB DATUK LIEW VUI KEONG**
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Bandar Kuching, Peguam Negara telah mengkaji kes yang telah dibuka terhadap beliau dan telah memutuskan tiada pendakwaan.

SPRM ada menerima beberapa maklumat daripada *Bruno Manser Fund* dan *Sarawak Report* namun isi kandungan maklumat tersebut adalah sama seperti siasatan yang telah dibuka sebelum ini. Ianya bukan keterangan baru untuk membolehkan SPRM membuka kertas siasatan yang baru. Sekiranya ada bukti-bukti baru, tiada sekatan kepada SPRM untuk membuka semula siasatan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK SERI DR. RONALD KIANDEE [BELURAN]

TARIKH : 16 JULAI 2019 [SELASA]

SOALAN NO. 59

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan apakah rancangan Kerajaan untuk meningkatkan tahap pemilikan kekayaan iaitu aset kewangan dan harta tanah kaum Bumiputera yang mana buat masa ini berada paling rendah berbanding kaum-kaum lain.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dasar dan program untuk mengangkat martabat dan memperkuuhkan tahap sosioekonomi orang Melayu dan Bumiputera akan diteruskan melalui amalan prinsip “*shared prosperity*” iaitu berasaskan keperluan, ketelusan, menyokong pertumbuhan dan kemampanan bagi mendukung dasar pembangunan inklusif dan merapatkan jurang ketidakseimbangan sosioekonomi antara etnik, wilayah dan kelas pendapatan.
2. Dalam tempoh akhir Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11), melalui inisiatif meningkatkan meningkatkan pemilikan kekayaan Bumiputera, Kerajaan komited untuk:
 - i. meningkatkan aset bukan kewangan dalam bentuk harta tanah komersial, industri dan kediaman terutama di lokasi utama dan strategik;
 - ii. meningkatkan saiz dana Amanah Hartanah Bumiputera (AHB) bagi memiliki dan membangunkan lebih banyak harta tanah komersial dan projek pembangunan bercampur;
 - iii. membangunkan model perniagaan baharu berdasarkan kepada perkongsian strategik untuk memperoleh premis perniagaan strategik terutama di kawasan bandar;
 - iv. meningkatkan wakaf tunai dan mengeluarkan sijil wakaf bagi menambah bilangan harta wakaf; dan
 - v. mengkaji semula garis panduan mengenai sukuk untuk memudahkan penjanaan dana bagi pembangunan tanah wakaf.
3. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pemilikan Bumiputera dalam aset bukan kewangan seperti harta tanah boleh digambarkan berdasarkan transaksi harta tanah dalam pasaran primer dan sekunder. Data berkaitan

ini dikeluarkan oleh Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC) di bawah Kementerian Kewangan pada setiap tahun.

4. Pada tahun 2018, peratusan dan nilai transaksi harta tanah kediaman, komersial dan industri melibatkan Bumiputera dalam pasaran primer adalah seperti berikut:

- i. transaksi harta tanah kediaman adalah sebanyak 46.5 peratus iaitu bersamaan RM6.2 bilion;
- ii. transaksi harta tanah komersial adalah sebanyak 8.2 peratus iaitu bersamaan RM160 juta; dan
- iii. transaksi harta tanah industri adalah sebanyak 1.2 peratus iaitu bersamaan RM8.43 juta.

5. Manakala, bagi pasaran sekunder, peratusan dan nilai transaksi harta tanah kediaman, komersial dan industri melibatkan Bumiputera adalah seperti berikut:

- i. transaksi harta tanah kediaman adalah sebanyak 30.41 peratus iaitu bersamaan RM16.85 bilion;
- ii. transaksi harta tanah komersial adalah sebanyak 3.84 peratus iaitu bersamaan RM1.06 billion; dan
- iii. transaksi harta tanah industri adalah sebanyak 0.67 peratus iaitu bersamaan RM100 juta.

Sekian, terima kasih.